

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA PENGGAL
KETIGA PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR
[POKOK SENA]**

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan pendapatan dan perbelanjaan Education Global Services Malaysia (EMGS) antara tahun 2015 sehingga 2020 dan sejauh manakah kawalan Kementerian ke atas entiti tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai Hub Pendidikan Tinggi Antarabangsa, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada tahun 2012, telah menubuhkan Education Malaysia Global Services (EMGS) sebagai sebuah entiti perniagaan berstatus Syarikat Berhad Menurut Jaminan (*CLBG*) bagi tujuan menguruskan kemasukan pelajar antarabangsa ke Malaysia.

EMGS berperanan mempromosi, merekrut dan memproses kemasukan pelajar antarabangsa ke IPT di Malaysia. Sejak tahun 2015 hingga 2020, EMGS telah menjana pendapatan sebanyak RM 25.7 juta bagi tempoh tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, baru-baru ini Mesyuarat Lembaga Pengarah EMGS telah bersetuju untuk melantik Ahli Lembaga Pengarah (ALP) yang terdiri daripada pengurusan tertinggi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Jabatan Imigresen Malaysia iaitu Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) KPT dan Ketua Pengarah (JIM) sebagai Ahli Lembaga Pengarah Pengarah EMGS yang baru.

Sekian, terima kasih.